



SIARAN AKHBAR

PELANCARAN FINANCIAL INTELLIGENCE UNIT ANNUAL REPORT 2016

Indera Samudra Grand Hall, The Empire Hotel And Country Club

Hari Rabu, 9 Zulkaedah 1438 bersamaan dengan 2 Ogos 2017

1. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), melancarkan *Financial Intelligence Unit Annual Report 2016* pada hari ini, 9 Zulkaedah 1438 bersamaan dengan 2 Ogos 2017, di *Indera Samudra Grand Hall, The Empire Hotel and Country Club*.
2. Laporan keluaran pertama ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman orang ramai, khususnya pihak-pihak berkepentingan, mengenai fungsi dan tanggungjawab Unit Perisikan Kewangan (UPK) di dalam membanteras pembersihan wang haram dan pembiayaan pengesanan di Negara Brunei Darussalam.
3. Sempena ulangtahun ke-10 penubuhan UPK, laporan tersebut juga mengandungi kemajuan dan pencapaian-pencapaian UPK sejak penubuhannya pada tahun 2007.
4. Orang ramai bolehlah mendapatkan laporan tersebut melalui laman web AMBD ataupun AMBD App yang boleh dimuat turun secara percuma melalui 'App Store' bagi pengguna iPhone dan 'Google Playstore' bagi pengguna Android.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Date: 9 Zulkaedah 1438/2 Ogos 2017

Ref No: AMBD/COMMS/3